



JABATAN PELAJARAN NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN

PEPERIKSAAN PERCUBAAN PMR 2011

BAHASA MALAYSIA

02/1

Kertas 1

Ogos

1 jam

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan pada kertas jawapan objektif yang disediakan.

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

Soalan 1 hingga Soalan 7

Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan memilih kata yang paling sesuai.


1. Kamil dan Zaidi akan turun ke laut pada waktu malam untuk _____
sotong.
- A memancing
 - B menangkap
 - C mencandat
 - D mengail

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



2. Mia Melati _____ barang tembaga yang kusam itu hingga berkilat.
- A mengelap
 - B menenych
 - C menggilap
 - D menggosok
3. Chinta Cempaka memakai baju kurung moden dengan potongan _____ di sebelah kiri.
- A serong
 - B senget
 - C condong
 - D bengkok
4. Negara Palestin dalam keadaan _____ kerana berlaku pencerobohan tentera Israel.
- A huru-hara
 - B kucar-kacir
 - C bongkar-bangkir
 - D porak-peranda

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah.



5. Nelayan itu berpaut _____ batang kayu apabila botnya karam dipukul ribut tengah malam semalam.
- di
 - pada
 - kepada
 - dengan
6. Leman terdengar bunyi ular _____ ketika dia sedang menoreh getah di kebun getah Pak Mahat pagi semalam.
- mendesis
 - mengeluh
 - mengigal
 - mendesing
7. Penjenayah yang amat dikehendaki oleh pihak polis telah berjaya ditangkap hasil kerjasama anggota _____ kampung.
- upahan
 - tetangga
 - pahlawan
 - sukarelawan

Soalan 8 hingga 14

Ayat-ayat di bawah ini mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditanda dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 8 Keruntuhan moral dan akhlak dalam kalangan remaja merupakan kemelut sosial yang kian sukar ditangani. Tiada kesalahan.
- A B
C D

- 9 Keindahan suasana malam yang dilimpahi cahaya neon menjadi daya tarikan untuk menggamit pelancong datang ke ibu kota. Tiada kesalahan.
 A B
 C D
- 10 Nadia mengganggu sebagai tanda mengeyakan setiap soalan yang diaju oleh ibunya. Tiada kesalahan.
 A B C
 D
- 11 Mulutnya yang celupar itu menyebabkan rakan-rakannya berjauh hati dan memulaukannya. Tiada kesalahan.
 A B
 C D
- 12 Golongan remaja kurang berminat untuk menceburi bidang senireka dan hiasan dalam. Tiada kesalahan.
 A B C
 D
- 13 Dalam keadaan kelam kabut itu, pasukan lawan berjaya mengucar-ngacirkan pertahanan pasukan tuan rumah. Tiada kesalahan.
 A B
 C D
- 14 Amalan bersopan santun harus dipupukkan dalam diri kanak-kanak semenjak kecil lagi. Tiada kesalahan.
 A B C
 D

Soalan 15 hingga Soalan 17

Pilih ayat atau ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 15 I Pasukan Harimau Malaya *menjelang* Piala Suzuki selepas menewaskan Pasukan Indonesia.
 II Penyimpan Mohon Besar Raja-raja *menjelang* anak bulan untuk menetapkan tarikh Hari Raya Aidilfitri.
 III Aina Karina tidak sempat *menjelang* ibunya di kampung kerana sibuk dengan urusan perniagaannya.
 IV Embun yang menitis *menjelang* subuh dikatakan sebagai petua yang mujarab untuk awet muda.
- A I, II dan III sahaja
 B I, III dan IV sahaja
 C II, III dan IV sahaja
 D I, II, III dan IV sahaja

16. I Pemerintah yang kejam itu akhirnya digulingkan dan dibawa ke *muka* pengadilan.
 II Adik akan menunggu ayah di *muka* pintu pada setiap petang.
 III Kakak menunjukkan air *muka* yang bersahaja ketika dileteri oleh ibu.
 IV *Muka* meja itu terasa amat kasar kerana belum diketam.
- A I dan II sahaja
 B II dan III sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja
17. I Bank Simpanan Nasional banyak mempunyai *cabang* di seluruh negara.
 II *Cabang* padi di tapak semaian itu sudah boleh diubah ke sawah.
 III Tanduk rusa yang *cabang* itu amat cantik tetapi menyukarkan binatang itu bergerak dengan pantas.
 IV Bidang astronomi merupakan *cabang* ilmu yang berkait rapat dengan alam semesta.
- A I dan II sahaja
 B I dan III sahaja
 C II dan III sahaja
 D I dan IV sahaja

Soalan 18 hingga Soalan 21

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

18. Peserta perarakan Hari Kebangsaan itu memakai pakaian berwarna biru dan warna merah.
- A memakai pakaian berwarna biru dan berwarna merah.
 B memakai pakaian warna biru dan merah.
 C memakai pakaian berwarna biru dan merah.
 D memakai pakaian berwarna biru dan warna merah.
19. Laporan bagi aduan makanan pada kantin yang mahal dan tidak berkhasiat sedang diteliti oleh pihak jawatankuasa kantin sekolah.
- A Laporan tentang aduan makanan daripada kantin
 B Laporan untuk aduan makanan di kantin
 C Laporan tentang aduan makanan di kantin
 D Laporan bagi aduan makanan pada kantin.
20. Penyanyi itu mendapat tepukan yang hebat sekali daripada peminatnya.
- A tepukan yang teramat gemuruh
 B tepukan yang dahsyat sekali
 C tepukan yang hebat sekali
 D tepukan yang kuat sekali

- 21 "Sekarang sampailah kita kepada agenda lain-lain hal." kata pengerusi mesyuarat itu.
- A ke agenda lain hal
 - B kepada hal-hal lain
 - C ke agenda hal-hal lain
 - D kepada agenda lain-lain hal

Soalan 22 hingga 24

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 22 **Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menyentuh pelbagai isu dan persoalan semasa pembentangan kertas kerja dalam Forum Keamanan Global yang berlangsung di Kuala Lumpur baru-baru ini.**
- A Pelbagai isu dan persoalan telah dikupas oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad semasa pembentangan kertas kerja dalam Forum Keamanan Global yang berlangsung di Kuala Lumpur baru-baru ini.
 - B Baru-baru ini Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menyentuh pelbagai ^{isu} ~~usaha~~ dan persoalan semasa pembentangan kertas kerja dalam Forum Keamanan Global.
 - C Tun Dr. Mahathir Mohamad telah membentangkan kertas kerja berkaitan dengan isu dan persoalan dalam Forum keamanan Global baru-baru ini di Kuala Lumpur.
 - D Baru-baru ini ini telah berlangsung Forum Keamanan Global yang telah dihadiri oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad.
- 23 **"Kamu akan dihadapkan ke lembaga disiplin sekolah kerana kebiadaban dan mengeluarkan kata-kata kesat terhadap Amril semalam," kata Cikgu Selva kepada Karman.**
- A Cikgu Selva memberitahu lembaga disiplin sekolah bahawa Karman akan dihadapkan kerana kebiadaban dan mengeluarkan kata-kata kesat.
 - B Cikgu Selva memberitahu Karman bahawa dia sepatutnya dikenakan tindakan tegas daripada lembaga disiplin sekolah kerana kebiadaban dan mengeluarkan kata-kata kesat terhadap Amril pada hari semalam.
 - C Cikgu Selva memberitahu Amril bahawa Karman akan dikenakan tindakan kerana kebiadaban dan mengeluarkan kata-kata kesat terhadap Amril pada hari semalam.
 - D Cikgu Selva memaklumkan Karman bahawa dia akan dihadapkan ke lembaga disiplin kerana kebiadaban dan mengeluarkan kata-kata kesat terhadap Amril pada hari semalam.

- 24 Seorang peragut telah ditahan polis semasa sekatan jalan raya sejurus meragut seorang wanita di Jalan Tuanku Abdul Rahman.
- A Semasa meragut seorang wanita seorang peragut telah berjaya ditahan polis di Jalan Tuanku Abdul Rahman.
- B Polis berjaya menahan seorang peragut dalam sekatan jalan raya sejurus meragut seorang wanita di Jalan Tuanku Abdul Rahman.
- C Dalam sekatan jalan raya di Jalan Tuanku Abdul Rahman, seorang peragut telah berjaya ditahan polis sejurus meragut seorang wanita.
- D Peragut yang meragut wanita telah berjaya ditahan polis dalam sekatan di Jalan Tuanku Abdul Rahman.

Soalan 25 hingga 27

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 25 I Baik sungguhkah murid yang baru mendaftar itu?
 II Saya kagum akan keindahan masjid yang berwarna biru itu.
 III Latihan karangan itu perlu disiapkan oleh kalian sekarang.
 IV Semangat sukarela perlu diterapkan di kalangan masyarakat Malaysia.
- A I dan II sahaja
 B I dan IV sahaja
 C II dan III sahaja
 D III dan IV sahaja
- 26 I Harga sepuluh butir telur ayam ialah tiga setengah ringgit.
 II Perabot di rumah Datin Hazimah sangat mahal. Ia diimport dari Itali.
 III Encik Izzat berjaya mengecamkan beberapa kesalahan ayat dalam petikan itu.
 IV Tuan Robert memperlembu orang-orang desa yang tinggal di kawasan pedalaman.
- A I dan II sahaja
 B I dan III sahaja
 C III dan IV sahaja
 D II, III dan IV sahaja
- 27 I Sudah 20 tahun ayah bekerja sebagai tukang beca.
 II Mak Temah mempergauli wanita-wanita yang muda sahaja.
 III Longgokan kain kotor itu dirangkumnya lalu dibawa ke tempat pembasuhan.
 IV Bas ekspres yang ibu naiki telah melanggar sebuah kereta Toyota Vios di simpang empat.
- A I, II dan III sahaja
 B I, II dan IV sahaja
 C I, III dan IV sahaja
 D II, III dan IV sahaja

Soalan 28 hingga soalan 30

Pilih peribahasa yang paling sesuai bagi pernyataan-pernyataan berikut.

- 28 Bakri selalu dimarahi majikannya kerana setiap kerja tidak dibuat mengikut arahan. Sikap Bakri ini boleh disamakan dengan peribahasa
- A belum tahu, masin garam
 - B belum diajun, telah bertarung
 - C belum duduk, sudah berlunjur
 - D belum berkuku, sudah hendak menggaru
- 29 Taufik menjadi teramat takut apabila ayahnya yang amat garang itu sedang meneliti buku latihan sekolahnya. Keadaan Taufik bagai
- A bagai dihiris dengan sembilu
 - B kucing dibawakan lidi
 - C limau masam sebelah
 - D tikus membaiki labu
- 30 Peribahasa yang memberikan nasihat kepada kita supaya sepakat dalam mencapai sesuatu perkara ialah
- A sepakat kita kuat, berpecah kita rebah
 - B tertumbuk biduk dikelokkan, tertumbuk kata difikirkan
 - C kerja yang baik disegerakan, jangan ditimpa kerja buruk
 - D bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat

Soalan 31 hingga Soalan 35

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya. Pilih jawapan yang paling sesuai.

Petang itu Hamzah dan Pak Cik Sani mengajak aku ke surau di hujung kampung. Kata Pak Cik Sani, malam ini ada ceramah agama. Penceramahnya, seorang pensyarah dari Kuala Lumpur. Kata Pak Cik Sani lagi, ceramah itu akan diadakan selepas sembahyang Isyak.

Hamzah sudah bersiap sedia. Dia berbaju teluk belanga, berkain sarung dan bersongkok hitam. Pakaianya kemas. Aku berada dalam keadaan serba salah. Mama cuma menyediakan kain dan seluar saja untukku tempoh hari. Aku tidak membawa songkok dan baju Melayu. Sebenarnya, aku juga mempunyai sehelai baju teluk belanga di rumah. Baju itu kujadikan baju tidur.

“Kenapa belum bersiap lagi, Rid?” soal Pak Cik Sani setelah melihat aku termenung panjang dari muka pintu. Aku menjadi serba salah. Aku mengerti, Pak Cik Sani dan Hamzah hanya menanti aku saja.

“Saya tak ada baju Melayu dan songkok!” sahutku berterus terang.

Pak Cik Sani memanggil Mak Cik Som. Dia menyuruh Mak Cik Som mengambil baju teluk belanga Hamzah dalam almari. Aku cuba memakai baju yang diunjukkan oleh Mak Cik Som. Baju itu agak sempit. Aku tahu, badanku agak besar daripada badan Hamzah.

“Ketat pun ketatlah!” Aku berseloroh apabila melihat baju yang kupakai itu seperti sarungangka saja layakannya.

“Bolehlah itu,” Hamzah mengusik.

“Songkok?” Aku memberanikan diri untuk menyoal dan meminta.

“Pakai ketayap sajalah, Rid. Hamzah tak ada songkok lebih!” Mak Cik Som pula berjenaka.

Malam itu, kurasakan diriku macam pelawak di pentas bangsawan saja. Berbaju ketat, berkain pelekat yang berkedut-kedut dan berketayap putih macam roti kirai.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada cerpen “Buku Catatan Farid Badrul”,
Antologi *Seuntai Kata untuk Dirasa*, Tingkatan 2, DBP)

- 31 Perkataan *berseloroh* dalam petikan bermaksud
- kata-kata yang menggelikan hati
 - kata-kata menyindir
 - kata-kata semangat
 - kata-kata manis
- 32 Latar tempat berdasarkan petikan di atas ialah
- surau
 - bendang
 - Kuala Lumpur
 - rumah Pak Cik Sani
- 33 Antara teknik plot yang digunakan oleh pengarang dalam petikan di atas ialah
- imbas kembali
 - monolog
 - kejutan
 - dialog
- 34 Cerpen *Buku Catatan Farid Badrul* memaparkan tema
- kenegaraan
 - keagamaan
 - kekeluargaan
 - kemasyarakatan
- 35 Apakah pengajaran yang dapat anda peroleh melalui cerpen ‘*Buku Catatan Farid Badrul*’ ini?
- Kita hendaklah mempelajari ilmu keagamaan supaya kehidupan kita lebih bermakna.
 - Kita hendaklah menjalin hubungan yang baik dengan semua orang
 - Kita hendaklah bersikap mementingkan diri
 - Kita hendaklah sentiasa ceria.

Soalan 36 hingga 40

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya. Pilih jawapan yang paling sesuai.

NEGERI CINTA

Alam adalah sebahagian daripada kita
 alam adalah syurga bumi
 cinta kepadanya cinta jutaan bunga-bunga
 cinta kepadanya cinta jutaan jiwa manusiawi.

Di sanalah negeri tercantik
 negeri terlindung di luar penglihatan
 negeri kerinduan, negeri penghijrahan
 dari buruan kehidupan yang mencekik.

Ini laut kita, lindungilah dari pencemaran
 ini hutan kita, lindungilah dari pemusnahan
 ini langit kita, lindungilah dari keracunan
 ini sungai kita, lindungilah dari pembuangan.

Malaysia negeri alam dunia sebelah sini
 negeri impian, negeri gemerlapan
 lindungilah dari keganasan-keganasan modenisasi
 negeri cinta, negeri budaya, negeri perpaduan.

(Dipetik daripada sajak "Sajak Negeri Cinta",
 Antologi *Sehijau Warna Daun*, Tingkatan 1, DBP)

- 36 Apakah mesej yang disampaikan oleh penulis pada rangkap ketiga?
- A Semua pihak perlu berperanan melindungi alam semula jadi daripada pelbagai ancaman.
 - B Semua pihak perlu berperanan memulihara alam semula jadi daripada terus tercemar.
 - C Semua pihak perlu menentang arus pemodenan yang menyebabkan kemusnahan alam semula jadi.
 - D Semua pihak perlu mencintai alam semula jadi kerana alam semula jadi merupakan sebahagian daripada kehidupan manusia.
- 37 Rangkap yang manakah yang menunjukkan bahawa penulis menggambarkan negeri idamannya?
- A Rangkap pertama
 - B Rangkap kedua
 - C Rangkap ketiga
 - D Rangkap keempat
- 38 Frasa *kehidupan yang mencekik* dalam sajak tersebut bermaksud
- A gaya hidup yang berpancaroba
 - B kesukaran untuk hidup bahagia
 - C kesukaran untuk mencari rezeki
 - D hidup yang penuh dengan kesukaran

Ini laut kita, *lindungilah* dari pencemaran
ini hutan kita, *lindungilah* dari pemusnahan

- 39 Penggunaan kata *lindungilah* dari pada dua baris sajak di atas menunjukkan unsur gaya bahasa
- A anafora
 - B epifora
 - C responsi
 - D repetisi
- 40 Apakah nada sajak *Negeri Cinta*?
- A sinis
 - B protes
 - C patriotik
 - D melankolik